

28/05/2000

Bazar lebuah raya pertama di Penanti

BUTTERWORTH: Sebuah bazar lebuah raya pertama akan diwujudkan di Restoran Jejantas, Penanti dekat sini di Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE).

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMPP), Datuk Abdul Rahman Maidin, berkata kawasan berkenaan berpotensi dimajukan dan pembentukan bazar lebuah raya bertema itu akan mempelbagaikan nilai kawasan berkenaan kepada pengguna BKE.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), berkata bazar bertema adalah pilihan terbaik yang mampu mempopularkan kawasan itu bermula pada setiap hujung minggu seperti tema mengikut musim buah-buahan, cuti sekolah dan musim perayaan.

"Jika sebelum ini, BKE hanya memiliki nilai tunggal sebagai kemudahan awam kepada masyarakat, kini nilainya dipelbagaikan bukan saja untuk faedah pengguna, malah memberi peluang perniagaan kepada usahawan tempatan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Ekspo Usahawan di Restoran Jejantas berkenaan, semalam.

Ekspo yang berakhir pada 4 Jun ini dianjurkan bersama Konsortium Lebuah Raya Butterworth-Kulim (KBLK), Kelab Usahawan 20/2 dengan sokongan dan kerjasama DPMM Pulau Pinang.

Turut hadir ialah Pengurus Besar KBLK, Mohd Suhaimi Mohd Yusuf dan Pengerusi Kelab Usahawan, Abdul Rahim Ramli.

Abdul Rahman, berkata konsep yang pertama kali diperkenalkan di negara ini mampu membantu usahawan Melayu tempatan untuk meningkatkan kegiatan peruncitan seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

"Industri peruncitan adalah kegiatan yang telah sekian lama diceburi masyarakat Melayu tetapi proses pelaksanaannya agak kurang dari segi kekuatan rangkaian atau jaringan dengan masyarakat.

"Usahawan perlu dilihat sebagai acuan yang di dalamnya turut membabitkan keanggotaan masyarakat kerana setiap produk yang diniagakan mementingkan keperluan masyarakat," katanya.

Konsep penggabungan membabitkan lebuah raya, ruang niaga dan usahawan tempatan adalah antara usaha ke arah meningkatkan industri peruncitan negara.

Sehubungan itu, katanya, sebuah Jawatankuasa Bertindak perlu dibentuk dengan kerjasama Kelab Usahawan dan sokongan DPMM Pulau Pinang bagi merealisasikan dan mengekalkan konsep bazar berkenaan.

(END)